

Headline	Apabila TENGKUJUH bertandang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Supplement	Page No	MS24
ArticleSize	801 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 88,749		



KEADAAN banjir yang melanda bandar Kuantan dirakamkan dari udara.

Apabila TENGKUJUH bertandang

Spektrum bersama Sairien Nafis, Aswadi Alias, Halim Mat Ali dan Yazit Razali

Lebih 65,000 penduduk pantai timur dan Johor terjejas akibat dilanda banjir pada 3 Disember lalu yang memusnahkan banyak kediaman dan harta benda lain.

Pahang negeri paling teruk mengalami kesan musim tengkujuh ini apabila mencatat lebih 35,000 mangsa banjir terpaksa ditempatkan di pusat pemindahan di Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Jerantut, Lipis, Temerloh dan Bera.

Laluan dan jalan yang terbabat bencana berkecenderungan turut ditutup pihak berkenaan bagi memastikan keselamatan orang awam.

Selain itu, bandar Kuantan mengalami masalah gangguan elektrik apabila 200 pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa ditutup selepas paras air banjir meningkat mendadak.

Bantuan berupa wang tunai dan barang keperluan daripada pelbagai pihak dihulurkan kepada mangsa banjir bagi meringankan beban mereka.



KEADAAN banjir di sekitar perumahan Bukit Cenderawasih, Kuantan yang hampir tenggelam.



ANGGOTA Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) memberi bantuan kepada seorang penduduk Taman Cenderawasih, Kuantan yang mengalami sesak nafas ketika menyusuri banjir ke tempat selamat.



PENDUDUK meredah banjir sambil membawa barang di Kampung Bukit Mentok, Kemaman, Terengganu.



MANGSA banjir mengambil inisiatif memasang khemah sendiri untuk keselesaan di Pusat Pemindahan Dewan Majlis Negeri Dungun.